

# Persaraan SUK perkara biasa

UM 10 DEC 1999

**M**ARANG 17 Dis. — Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang berkata, langkah bekas Setiausaha Kerajaan (SUK) negeri, Datuk Che Mat Jusoh bersara awal merupakan perkara biasa bagi mana-mana jua kerajaan.

Beliau berkata, mana-mana kerajaan pun akan meletakkan para pegawai yang sesuai dengan kerajaan memerintah termasuk Barisan Nasional (BN) sendiri.

Abdul Hadi seterusnya memberi contoh bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri tidak melantik Tengku Razalejeh Hamzah kerana beliau (Perdana Menteri) mempunyai orang lain yang lebih sesuai.

Abdul Hadi turut mengakui Che Mat sebelum ini berada dalam senarai rombakan pegawai-pegawai kerajaan negeri dan telah diheri pilihan untuk memegang jawatan lain yang sesuai.

Ekoran peletakan jawatan oleh Che Mat itu, kata beliau, nama SUK baru akan diumumkan pungi esok di pejabat Menteri Besar di Wisma Darul Iman di sini.

“Peletakan jawatan oleh

Che Mat ini perkara biasa kerana mana-mana kerajaan mesti meletakkan para pegawai yang sesuai dengan kerajaan memerintah.

“Alasannya kita hendak melantik SUK baru dan SUK lama kita beri pilihan memegang jawatan lain yang akan difikirkan kemudian setelah dia (SUK lama) mengosongkan jawatannya.

“Bagaimanapun, kita tidak menurunkan taraf SUK lama walaupun dia diberi pilihan memegang jawatan lain.

“Che Mat memilih untuk bersara awal...itu terpu-

lang kepada beliau,” katanya kepada pemberita di rumahnya di Rusila dekat sini hari ini.

*Utusan* hari ini melaporkan, Che Mat, 50, secara mengejut meletakkan jawatan dan bersara awal daripada perkhidmatan awam.

Tindakan itu sekali gus mengakhiri desas-desus bahawa beliau akan terbahit dalam rombakan jawatan di bawah kerajaan pimpinan Pas.

Che Mat yang dihubungi *Utusan* semalam berkata, persaraan awal berkuat kuasa semalam (16 Disember) tetapi beliau enggan mengulas lanjut mengenai sebab-sebab persaraan tersebut.

Abdul Hadi seterusnya menambah, selain meletakkan pegawai-pegawai yang sesuai dengan kerajaan memerintah, pertukaran dan rombakan itu juga bagi membetulkan kesilapan kerajaan (BN) yang lalu.

Menurutnya, pada masa kerajaan lalu berlaku beberapa perkara yang perlu diperbetulkan termasuk dari segi kenaikan pangkat.

“Sebagai contoh berlaku kenaikan pangkat yang langkah-melangkah dan perkara ini perlu kita

perbetulkan demi keadilan,” katanya.

Abdul Hadi menambah, pertukaran jawatan dan rombakan kakitangan kerajaan itu bukan satu penindasan kerana ia turut membabitkan kenaikan pangkat termasuk di kalangan mereka yang turut berkempen untuk UMNO pada pilihan raya umum lalu.

“Ada pegawai yang dinaikkan pangkat walaupun kita tahu dia kempen untuk UMNO pada pilihan raya bar-u-bar-u ini,” katanya.

Menjawab pertanyaan mengenai penamatan kontrak perkhidmatan Pengarah Yayasan Terengganu (YT) dan Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT), Abdul Hadi berkata, kedua-dua badan itu akan disusun semula.

*Utusan* semalam melaporkan, Pengarah YT, Datuk Saidi Mohamed, 56, dan Pengarah YPKT, Datuk Azman Muda, 58, ditamatkan kontrak perkhidmatan mereka berkuat kuasa 16 Disember 1999.

Kontrak perkhidmatan kedua-dua pengarah itu sepatutnya tamat pada tahun 2001.